



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PPP)

SETIAUSAHA AKHBAR

14 MAC 2023 (SELASA)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

14 MAC 2023 (SELASA)

PARLIMEN

Jualan Rahmah sudah ada: Fuziah

Kerajaan belum berhasrat lancarkan program mirip KRIM

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) belum berhasrat bagi mewujudkan program mirip seperti Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) untuk menjual barangan harian dengan harga murah.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, ini kerana ia memerlukan kos tinggi selain sudah mengkaji kegagalan KR1M.

"Setakat ini pihak kementerian belum berhasrat untuk mewujudkan mirip Kedai Rakyat 1Malaysia. Kenapa? Kerana dia ada banyak kos dan kita juga kaji kegagalan Kedai Rakyat 1Malaysia.

"Cara kita mengatasinya ialah mengadakan Jualan Rahmah di pasar raya yang menawarkan sehingga 30 peratus potongan harga," katanya bagi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Chiew Choon Man (PH-Miri) yang bertanyakan sama ada kerajaan bersedia mewujudkan program seperti



FUZIAH pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat, semalam.



Setakat ini pihak kementerian belum berhasrat untuk mewujudkan mirip Kedai Rakyat 1Malaysia. Kenapa? Kerana dia ada banyak kos dan kita juga kaji kegagalan Kedai Rakyat 1Malaysia"

Fuziah Salleh

KR1M untuk menjual barangan dengan harga yang lebih murah dan meluaskan

program bank makanan (Food Bank).

Fuziah berkata, pihaknya turut berharap Dewan Rakyat meluluskan peruntukan sebanyak RM100 juta bagi program Jualan Rahmah di 222 kawasan Parlimen.

KR1M yang diilhamkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dirasmikan pada Jun 2011 bertujuan mengurangkan beban rakyat, selain membantu memasarkan produk pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan.

Ia bertujuan menjual pelbagai barangan harian pada

harga 30 hingga 50 peratus lebih murah daripada harga pasaran.

Bagaimanapun KR1M yang diwujudkan di seluruh negara secara berperingkat bermula tahun 2011, mula ditutup sejak September 2017.

Arahan itu dikeluarkan kerajaan selepas menerima banyak aduan orang ramai yang tidak berpuas hati dengan harga dan barangan dijual di kedai berkenaan.

Kerajaan kemudiannya melancarkan Program KR1M 2.0 pada 2018 yang melalui penjenamaan semula.

Tiada hasrat buat program mirip KR1M

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tidak berhasrat mewujudkan program kedai runcit mirip Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) di seluruh negara.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh, berkata kerajaan sebaliknya mahu memperluaskan konsep Jualan Rahmah di pasar raya di seluruh 222 kawasan Parlimen.

"Setakat ini, kementerian belum berhasrat mewujudkan kedai runcit mirip KR1M kerana ada banyak kos dan kita juga mengkaji berkenaan kegagalan KR1M.

"Cara kita mengatasinya adalah dengan mengadakan Jualan Rahmah di pasar raya yang menawarkan potongan sehingga 30 peratus dan menerusi Belanjaan 2023, kita membentangkan RM100 juta untuk melaksanakan program ini di 222 Parlimen," katanya menjawab soalan tambahan Chiew Choong Man (PH-Miri) ketika sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

14 MAC 2023 (SELASA)

BERITA ONLINE BERTARIKH 14 MAC 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
14-Mar	Jualan Rahmah dah ada, belum hasrat wujud program mirip KR1M	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1076303/jualan-rahmah-dah-ada-belum-hasrat-wujud-program-mirip-kr1m	BH
14-Mar	KPDN Sabah Keluarkan Kompaun Bernilai RM47,200, Rampasan Lebih Sejuta Sejak Januari 2023	https://sabahnews.com.my/kpdn-sabah-keluarkan-kompaun-bernilai-rm47200-rampasan-lebih-sejuta-sejak-januari-2023/	SABAHNEWS
14-Mar	Inisiatif Menu Rahmah: KPDN kaji beri subsidi kepada pengusaha	https://www.dailyexpress.com.my/news/209222/inisiatif-menu-rahmah-kpdn-kaji-beri-subsidi-kepada-pengusaha/	DAILYEXPRESS
14-Mar	KPDN laksana Jualan Rahmah di 109 lokasi setakat ini	https://selangorkini.my/2023/03/kpdn-laksana-jualan-rahmah-di-109-lokasi-setakat-ini/	SELANGORKINI
14-Mar	KPDN laksana Jualan Rahmah di 109 lokasi setakat ini	https://www.google.com/amp/s/malay-siapost.com.my/2023/03/13/tak-cadang-wujudkan-semula-kedai-konsep-kr1m-kpdn/amp/	MALAYSIAPOST
14-Mar	Jualan Rahmah lebih baik – Fuziah	https://www.buletintv3.my/nasional/jualan-rahmah-lebih-baik-fuziah/	BULETINTV3
14-Mar	Lebih 100 premis makanan di Sabah menyertai Inisiatif Menu RAHMAH	https://www.google.com/amp/s/www.nabalunews.com/amp/lebih-100-premis-makanan-di-sabah-menyertai-inisiatif-menu-rahmah	NABALUNEWS
14-Mar	Is Menu Rahmah harmful?	https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2023/03/14/is-menu-rahmah-harmful/	FMT
14-Mar	OVER 1,500 BUSINESS PREMISES INVOLVED IN MENU RAHMAH INITIATIVE – SALAHUDDIN	https://www.borneotoday.net/over-1500-business-premises-involved-in-menu-rahmah-initiative-salahuddin/	BORNEOTODAY

14-Mar	Bekas Setpol Salahuddin Ayub dilantik Pengerusi SSM baharu	https://www.agendadaily.com/isu-semasa/bekas-setpol-salahuddin-ayub-dilantik-pengerusi-ssm-baharu/	AGENDADAILY
14-Mar	SSM appoints new chairman	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/03/13/ssm-appoints-new-chairman/	FMT
14-Mar	Bekas Setiausaha Politik Salahuddin Ayub dilantik Pengerusi SSM baharu	https://wartarakyat.com.my/index.php/2023/03/13/bekas-setiausaha-politik-salahuddin-ayub-dilantik-pengerusi-ssm-baharu/	WARTARAKYAT